

Menjambatani pendidikan serantau

► Lawatan Jakmas ke Indonesia
kembangkan pendidikan dua negara

UB 4.1.14 B1

Oleh JOHAN AZIZ

DELEGASI Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melakukan lawatan ke Jakarta Indonesia melalui

program 'Road to Success' baru-baru ini.

Delegasi lawatan 'Road to Success' diketuai Pengetua Kolej Kediaman CD Dr. Mohamad Nizam Nazarudin yang turut disertai oleh Mohammad Radfizul Radzali selaku Pengarah Program bersama dua orang felo dan sembilan orang barisan Jakmas kolej itu.

Objektif utama melawat universiti di luar negara untuk membandingkan corak pembelajaran di Indonesia dengan sistem pembelajaran yang diterapkan dalam sistem pendidikan Malaysia di samping itu persilangan budaya antara Malaysia dan Indonesia juga dapat dipelajari kerana kedua-dua buah negara mempunyai



PARA delegasi UMS merakamkan foto di hadapan Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.

pelbagai etnik, kata Dr Nizam di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Katanya, delegasi telah melawat dua universiti, Universitas Mercu Buana dan Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah. Lawatan ke Universitas Mercu Buana adalah julung kali diadakan kerana sebelum ini sudah terjalin kerjasama di antara Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial Universiti Malaysia Sabah dan Fakultas Psikologi Universitas Mercu Buana.

Sebelum ini, katanya, dua pelajar pertukaran dari Fakultas Psikologi Universitas Mercu Buana telah menetap di Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik. Mereka telah banyak memberi sumbangan dari segi kesenian dan kebudayaan.

"Delegasi telah disambut oleh Timbalan Dekan dan barisan kepimpinan mahasiswa Fakultas Psikologi Universitas Mercu Buana.

"Pihak Universitas Mercu Buana turut menggalakkan pelajar Kolej Kediaman CD UMS untuk menjadi sebahagian dari pelajar pertukaran ke Universitas Mercu Buana pada masa akan datang. Ini sudah pasti menjadi penghormatan kepada UMS kerana dijemput khas oleh pihak Universitas Mercu Buana.

"Di samping itu, ketua rombongan delegasi ke universiti di Jakarta, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin turut memaklumkan sekiranya ada lagi pelajar dari Universitas Mercu Buana terlibat dalam program pertukaran pelajar dengan UMS untuk tinggal di Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik. Melalui lawatan ini, pelbagai proses pembelajaran dan idea dapat dikongsi bersama,"katanya.

Dr Nizam berkata, sesi pengenalan Universiti Malaysia Sabah dan Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik turut diadakan bagi memperkenalkan lebih dekat Universiti Malaysia Sabah dan Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik kepada pihak Universitas Mercu Buana oleh Yang Dipertua Jakmas Kolej Kediaman CD, Muhammad Yusuf Mohd Sobery.

Katanya, satu diskusi ilmiah telah dibuat bagi melihat dan membincangkan isu-isu kemahasiswaan dan sosial yang membelenggu masyarakat pada masa kini.

Di dalam diskusi tersebut penekanan terhadap jalinan kerjasama di dalam pendidikan rantau Asean yang akan dilaksanakan iaitu 'Asean Community'.

Menurut beliau, tujuan 'Asean Community' ini adalah untuk memastikan semua pembelajaran dan perbincangan boleh dijalankan secara telus di rantau Asean dengan objektifnya adalah untuk memastikan kehidupan pelajar terjamin semasa berada membuat pertukaran pelajar di rantau Asean yang mempunyai pelbagai perbezaan etnik dan budaya.

"Isu keharmonian global juga dibangkitkan sebagai salah satu peranan pelajar dalam organisasi luar dari universiti. Kepentingan kekuatan organisasi dalaman adalah penting dan jauh dari campuran organisasi luaran. Isu ini diterapkan melalui aktiviti bersama masyarakat yang merupakan satu cara jelas untuk medekatkan pelajar bersama masyarakat.

"Lawatan diteruskan ke Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah di mana sambutan luar biasa diterima oleh delegasi daripada Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) Fakultas Psikologi dan Dekan Fakultas Psikologi sendiri.

"Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah pernah menganugerahkan Ijazah Kedokteran Kehormat kepada Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi, "katanya.

Menurut beliau, ini sudah menjadi penghormatan kepada Mahasiswa UMS yang mengadakan lawatan kali pertama ke Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah. Pengenalan Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) Fakultas Psikologi telah menekankan bahawa aktiviti yang dijalankan mahasiswa di sini adalah lebih bersifat keterbukaan dan minat mahasiswa sendiri

Katanya, kepimpinan mahasiswa adalah perkara penting yang diterapkan di dalam BEM untuk memperkuatkan sendiri dahulu antara pemimpin sebelum kepada mahasiswa lain. Di dalam sesi diskusi, antara perkara yang ditekankan adalah kerjasama antara organisasi mahasiswa dalam bekerjasama antara satu sama lain dan dengan pihak organisasi luar.



DR Nizam (kiri) menyampaikan cendera-mengangan kepada Dekan Fakultas Psikologi Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Dr Ajhar.